



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 5 Mei 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 17/2026

Semua Pelajar Prasiswazah dan Pascasiswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/Saudari,

PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2025/2026

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026 akan diadakan mulai **27 Julai 2026 hingga 13 September 2026**.

2. Oleh yang demikian, sukacita sekiranya saudara/saudari dapat memberikan perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melancarkan proses pendaftaran kursus ini mengikut sepertimana yang disenaraikan di bawah:

- 2.1. Pendaftaran Kursus Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026 akan dijalankan secara dalam talian melalui laman web <http://www.ukm.my/smpweb>.
- 2.2. Pelajar adalah dilarang mendedahkan Nombor Pin Pelajar (NPP) masing-masing kepada orang lain kerana ianya berstatus sulit.
- 2.3. Fakulti/Pusat yang menawarkan kursus adalah seperti berikut:
 - 2.3.1 Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
 - 2.3.2 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 - 2.3.3 Fakulti Pendidikan
 - 2.3.4 Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
 - 2.3.5 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 - 2.3.6 Fakulti Sains Kesihatan
 - 2.3.7 Fakulti Farmasi
 - 2.3.8 Fakulti Pengajian Islam
 - 2.3.9 Fakulti Undang-Undang
 - 2.3.10 Pusat Pengajian Citra Universiti

...2/-



- 2.4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama saudara/saudari untuk mematuhi jadual seperti berikut:

AKTIVITI	TEMPOH	PRA SISWAZAH	PASCA SISWAZAH
Pendaftaran Kursus dan Gugur Kursus	18.05.2026 – 24.05.2026	√	√
Tarik Diri Kursus	27.07.2026 – 30.08.2026	√	√
Pengesahan Pendaftaran Kursus	10.08.2026 – 16.08.2026	√	Tidak berkenaan
Pengesahan Masuk Peperiksaan	24.08.2026 – 30.08.2026	√	Tidak berkenaan

- 2.5. Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2025/2026 dinasihatkan tidak mendaftar kursus pada Semester 3 ini.
- 2.6. Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026 adalah seperti berikut:

2.6.1. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026 adalah pilihan kecuali untuk beberapa fakulti.

2.6.2. Pelajar dibenarkan mengambil tindakan tidak melebihi tiga (3) kursus sahaja.

2.6.3. Pelajar hanya membuat penambahan dan penguguran kursus selama seminggu pendaftaran kursus sahaja.

2.6.4. Permohonan untuk tidak mengikuti Semester 3 bagi pelajar yang telah mendaftar kursus pada minggu pendaftaran hendaklah dibuat secara rasmi kepada Timbalan Pengarah (Governans Akademik) setelah disokong oleh Dekan/Fakulti/Pusat sebelum **16 Ogos 2026** untuk mendapatkan pelepasan yuran. Permohonan selepas tarikh tersebut akan dikira menarik diri daripada kursus dan diberi gred TD.

2.6.5 Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambil kira dalam Purata Nilai Kumulatif Gred (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027).

...3/-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- 2.6.6 Tempoh pengajian Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026 tidak diambil kira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan pengijazahan.
- 2.6.7 Bayaran denda RM50.00 akan dikenakan jika lewat mendaftar kursus semasa. Pelajar perlu memastikan pendaftaran kursus dibuat untuk Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026.
- 2.6.8 Semasa pendaftaran, pelajar hanya perlu memilih butang pendaftaran kursus semasa. Pelajar perlu memastikan pendaftaran kursus dibuat untuk Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026.

3. Sebarang masalah atau pertanyaan mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada smpweb@ukm.edu.my / prasiswazah.akad@ukm.edu.my / postgraduate.akad@ukm.edu.my atau hadir ke Kaunter Pusat Pengurusan Akademik/Fakulti/Pusat untuk tindakan selanjutnya.


Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik

...4/-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor, (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 - Dekan, Fakulti Pendidikan
 - Dekan, Fakulti Pengajian Islam
 - Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 - Dekan, Fakulti Undang-Undang
 - Dekan, Fakulti Farmasi
 - Dekan, Fakulti Perubatan
 - Dekan, Fakulti Sains Kesihatan
 - Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
 - Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi
 - Dekan, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
 - Dekan, Pusat Pengajian Citra Universiti
 - Pengarah, Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Ketua Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari
 - Ketua Pustakawan, UKM
 - Semua Pegawai Tadbir Fakulti/Institut/Pusat
 - Yang Dipertua Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

-4-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik